

Kes dana 1MDB

Mahkamah benar pendakwaan pinda tiga tuduhan Najib

Dua pertuduhan pengubahan wang haram, satu lagi salah guna kuasa

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan pendakwaan untuk meminda tiga pertuduhan dihadapi Datuk Seri Najib Razak berhubung kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Selain dua pertuduhan pengubahan wang haram, satu lagi membabitkan dakwaan menyalahgunakan kuasa yang dihadapi bekas Perdana Menteri itu.

Pendakwaan sebelum ini memohon supaya pindaan tiga pertuduhan itu dibenarkan kerana ia dilakukan bagi memberikan perincian lebih jelas mengenai tuduhan terhadap Najib.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah membenarkan permohonan itu selepas mendapati pindaan dimohon hanya membabitkan angka dan amaun, manakala naratif pendakwaan membabitkan tuduhan dalam kes itu tidak berubah.

Beliau berkata, pendakwaan tidak mempunyai sebarang niat jahat dalam permohonannya untuk meminda tuduhan berkenaan seperti didakwa pembelaan dan tuduhan pindaan itu juga tidak memprejudiskan tertuduh.



Najib diiringi pegawai penjara tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto bernama)

Berikutan keputusan itu, mahkamah mengarahkan ketiga-tiga tuduhan yang dipinda dibacakan terhadap Najib.

Ia membabitkan tuduhan keempat berhubung salah guna kedudukan, manakala untuk kesalahan pengubahan wang haram membabitkan tuduhan ke-10 dan ke-21.

Didakwa guna kedudukan

Tuduhan keempat, menyatakan Najib sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB dituduh menggunakan kedudukan untuk mendapatkan suapan bagi dirinya berjumlah RM44.9 juta,

yang mana pendakwaan mahu meminda jumlah berkenaan kepada RM44,570,920.70.

Bagi dua lagi tuduhan, Najib didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram iaitu memindahkan hasil aktiviti haram berjumlah RM652.6 juta dan RM12.4 juta, dengan pendakwaan memohon meminda jumlah itu masing-masing kepada RM515.7 juta dan RM11.4 juta.

Najib berdepan empat tuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.